



TEKS UCAPAN  
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
MAJLIS PELANCARAN APLIKASI BANTU MELAKA  
22 MEI 2020 (JUMAAT), MASA: 1400 PETANG  
LOBI BLOK BENDAHARA, SERI NEGERI

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Dan**  
**Salam Sejahtera**

Yang saya hormati Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkiflie bin Ibrahim,  
Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Massila binti Kamaruldin  
Timbalan Dekan Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

Yang Berusaha Tuan Muhammad Ikram bin Ibrahim,  
Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka (MAIM);

Yang Berusaha Tuan Firdaus bin Saedin,  
Ketua Pegawai Eksekutif Melaka ICT Holdings Sdn Bhd  
(MICTH);

Yang Berusaha Ustaz Mohd Ali bin Zainal  
Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)

Dif-dif Jemputan, Rakan-rakan Media;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati;

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini di Majlis Pelancaran Aplikasi BANTU MELAKA.

2. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir sebagai tanda sokongan serta menjayakan majlis pelancaran pada petang ini.

3. Kehadiran semua membuktikan keprihatinan serta komitmen yang padu bagi mewujudkan kebersamaan dalam memperkasa dan menyelaraskan gerak kerja dalam membantu meringankan beban rakyat di Negeri Melaka yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 ini.

4. Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Melaka ICT Holdings Sdn Bhd (MICTH) serta Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) kerana menunjukkan kerjasama jitu bagi membangunkan aplikasi BANTU MELAKA ini. Tahniah juga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membangunkan aplikasi ini yang akan dilancarkan sebentar lagi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;

## PELANCARAN APLIKASI BANTU MELAKA

5. Untuk makluman semua, aplikasi BANTU MELAKA ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Melaka untuk menyalur dan mengagihkan bantuan kepada golongan yang memerlukan secara adil, telus dan bersistematik. Aplikasi ini telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik *Innovative Software System* (IS3), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang diketuai oleh Prof Madya Dr Massila Kamalrudin bagi memudahkan dan mengautomasikan proses ini.

6. Usaha ini merupakan satu bentuk kerjasama pintar dan juga program tanggungjawab sosial (CSR) antara pihak UTeM dan Kerajaan Negeri Melaka. Aplikasi yang dibangunkan ini bertujuan mengurus, memantau serta merekodkan pengagihan bantuan kepada golongan yang memerlukan apabila berlaku sebarang bentuk bencana dan musibah seperti wabak COVID-19, banjir, kebakaran dan sebagainya.



7. Pelaksanaan aplikasi BANTU MELAKA ini bertepatan (*timely*) ketika negeri Melaka kini sedang berhadapan dengan penularan COVID-19 yang tidak pernah dihadapi sebelum ini.

8. Saya difahamkan, projek ini mengandungi empat modul utama yang boleh digunakan oleh rakyat negeri Melaka. Pertama, orang ramai boleh mengemukakan permohonan melalui aplikasi ini sekiranya memerlukan sebarang bantuan. Selain itu, orang ramai juga boleh menyemak status

permohonan dari semasa ke semasa, seterusnya membuat pengesahan terhadap bantuan yang diterima.

9. Hal ini, bagi mengelakkan berlaku sebarang ketirisan dalam pengagihan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Kita tidak mahu pihak yang patut menerima bantuan tidak dapat tetapi mereka yang tidak layak pula memperoleh bantuan tersebut. Dengan adanya aplikasi ini, kerajaan negeri berharap apa juga proses permohonan dan pengagihan bantuan akan dapat dilaksanakan dengan lebih

sistematik dan telus dengan kerjasama pelbagai pihak serta agensi termasuk Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN).

10. Saya beri contoh mudah, jika Dak Ayu, Dak Senah atau Dak Sapik termasuk dalam kategori golongan asnaf, sekiranya mereka membuat permohonan melalui aplikasi ini permohonannya akan disalurkan terus kepada pihak Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) untuk diproses dan diambil tindakan. Sekiranya mereka bukan dari kategori asnaf

permohonan mereka akan disalurkan kepada agensi yang berkaitan termasuk JAPERUN untuk diproses dan diambil tindakan yang sewajarnya.

11. Keduanya, aplikasi ini juga membuka peluang dan saluran kepada orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan dan bantuan boleh berbuat demikian dengan menggunakan fungsi “*CrowdDonation*”. Seterusnya, sumbangan ini akan disalurkan oleh kerajaan negeri kepada jabatan dan agensi yang berkaitan seperti MAIM, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan

sebagainya. Jadi, kepada sesiapa yang hendak meringankan beban dalam membantu golongan yang memerlukan di Melaka, bolehlah menghulurkan sumbangan melalui cek atau EFT kepada Bendahari Negeri ataupun Pegawai Kewangan Negeri Melaka melalui Tabung Bencana Negeri. Maklumat selanjutnya boleh didapati melalui hebahan di media sosial rasmi saya.

## **STATISTIK PEKERJA YANG TERKESAN AKIBAT COVID-19**

12. Mengikut statistik Jabatan Tenaga Kerja Negeri Melaka, bilangan pekerja yang terkesan akibat penularan COVID-19 sejak 18 Mac 2020 sehingga 10 Mei 2020 adalah seramai 3,726 pekerja tempatan dan 364 pekerja asing. Daripada jumlah tersebut, seramai 573 pekerja tempatan terdiri daripada kategori pemberhentian tetap dan 26 pekerja tempatan terlibat dalam pemberhentian sukarela. Manakala seramai 228 pekerja

tempatan terlibat dalam pemberhentian sementara dan selebihnya 2,899 daripada kategori pengurangan gaji.

13. Kerajaan negeri amat prihatin dan mengambil berat mengenai perkara ini. Sehubungan itu, kita sedang berusaha mengenal pasti golongan sasaran yang hilang pekerjaan atau sumber pendapatan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) untuk menyalurkan bantuan demi kelangsungan hidup mereka.

14. Saya berharap rakyat Melaka yang memerlukan dapat memanfaatkan aplikasi ini dengan sebaiknya. Besar juga harapan saya agar usaha murni Kerajaan Negeri Melaka ini dapat membantu dan meringankan beban sekali gus membendung masalah yang dihadapi oleh rakyat di negeri ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;



## PENUTUP

15. Akhir kata, sekali lagi tahniah dan terima kasih kepada pihak UTeM, MICTH, MAIM dan semua yang terlibat kerana menggerakkan usaha murni ini.

16. Dengan lafaz بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ saya merasmikan pelancaran aplikasi BANTU MELAKA.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

-Tamat-